

**APLIKASI WAKAF MU'AQQAT DI MALAYSIA:  
ANALISIS KRITIKAL DARI PERSPEKTIF  
PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM**

**The Application of Temporary Waqf in Malaysia:  
Critical Analysis from the Perspective of Islamic  
Economics Development**

**Noor Ain Alin @ Nordin\*, Asmak Ab Rahman\*, Raditya Sukmana\*\***

\*Department of Shariah and Economy, Academy of Islamic Studies,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

\*\*Department of Islamic Economics, Faculty of Economics and Business,  
Universitas Airlangga, Jl Airlangga No. 4, Surabaya, 60286, Indonesia

\*(Corresponding author) e-mail: [asmak@um.edu.my](mailto:asmak@um.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.22452/syariah.vol33no1.1>

**ABSTRACT**

*The overall potential of wakaf mu'aqqat (temporary waqf) as an instrument to enhance and grow the Islamic economy has shown significant impact. It can be carried out through multiple methods based on the suitability of the situation in order to achieve the desired results that would impact the general public. Although, this has yet to be practice widely in Malaysia due to different mazhab understanding and holdings, it could play a crucial role in enhancing the current wakaf structure which will be in line with maqasid syariah reflective of permanent wakaf. Nevertheless, this instrument*

*has yet to be tabled and explore thoroughly. Thus, this research was carried out meticulously to observe as well as record the impact in line with maqasid syariah from the perspective of the Islamic economies growth through the application of wakaf mu'qqat. This study employed a data collection methodology combining library research and interviews, which analysed using thematic content analysis. The research is completed in hopes that it will be a future guide and reference in tandem to the efforts of increasing the participation of wakaf. This will directly or indirectly contribute to the growth of the Islamic economy in Malaysia that would benefit the Islamic society.*

**Keywords:** *application, wakaf mu'qqat, maqasid syariah, Islamic economic development*

### **ABSTRAK**

*Wakaf mu'qqat adalah salah satu instrumen yang dilihat mempunyai potensi yang signifikan dalam membantu membangunkan ekonomi umat Islam. Ia boleh dilaksanakan melalui beberapa pendekatan yang sesuai supaya dapat memberikan impak kepada masyarakat. Walaupun ia masih belum dilaksanakan dengan meluas di Malaysia disebabkan perbezaan pegangan mazhab, ia mampu memainkan peranan seiring dengan wakaf yang selama ini diamalkan secara berkekalan dan menepati maqasid syariah sama seperti wakaf kekal. Namun, ia kurang dibincangkan secara mendalam. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneliti peranan wakaf mu'abbad dan wakaf mu'qqat serta implikasinya yang selari dengan maqasid syariah dari perspektif pembangunan ekonomi Islam. Diharapkan kajian ini mampu menjadi rujukan dan panduan dalam usaha merancang amalan wakaf seterusnya membangunkan ekonomi umat Islam di Malaysia.*

**Kata Kunci:** *aplikasi, wakaf mu'qqat, maqasid syariah, pembangunan ekonomi Islam*

## PENDAHULUAN

Kesenjangan ekonomi dan masyarakat muslim sering menjadi perbincangan hingga ke hari ini. Berdasarkan rekod yang dikeluarkan oleh Human Development Index, United Nations Development Programme (UNDP) 2022,<sup>1</sup> terdapat beberapa negara Islam yang berada di dalam senarai kategori miskin. Ia disebabkan oleh banyak faktor seperti taraf ekonomi berdasarkan hasil keluaran negara dan faktor kestabilan politik. Oleh yang demikian, belunggu kemiskinan ini seharusnya diatasi dengan pelbagai pendekatan yang bersifat holistik dan efektif. Sebagai negara membangun dan meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan, pelbagai usaha telah dijalankan semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan supaya rakyat yang berbilang kaum dan agama dapat menikmati hidup yang selesa.

Wakaf *mu'qqat* mempunyai keunikan dari segi fleksibiliti merupakan instrumen unik yang menawarkan solusi dalam menangani kemiskinan secara efektif dan menepati objektif yang ingin dicapai dalam *maqasid syariah*. Namun, pegangan mazhab umat Islam di Malaysia menjadikan wakaf *mu'qqat* agak ketinggalan berbanding dengan negara Islam lain seperti Kuwait dan Turki. Sungguhpun begitu, pada Mei 2024 Bank Negara Malaysia (BNM) telah memberikan cadangan untuk menerapkan *maqasid syariah* dalam menggerakkan pembaharuan, penyusunan semula struktur dan memperkasa ekonomi umat Islam. Ini menunjukkan, elemen *maqasid syariah* mula diberikan perhatian dalam usaha menerapkan elemen syariah sebagai landasan pembangunan negara dan selari dengan elemen pembangunan insaniah.

## OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk: (1) membincangkan konsep dan hukum wakaf *mu'qqat*, (2) menghuraikan pembangunan ekonomi dan (3) menganalisis aplikasi wakaf *mu'qqat* dalam pembangunan ekonomi dari lensa ekonomi Islam.

---

<sup>1</sup> [https://hdr.undp.org/system/files/documents/global-report-document/hdr2021-22report\\_english\\_0.pdf](https://hdr.undp.org/system/files/documents/global-report-document/hdr2021-22report_english_0.pdf)

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi penggunaan data primer dan data sekunder yang diperoleh melalui kajian lapangan dan kajian perpustakaan. Data primer diperoleh daripada temu bual secara semi struktur dengan Mantan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wakaf Malaysia dan Pengarah Strategi Pemasaran dan Tanggungjawab Korporat Perbankan Islam CIMB Islamic Bank yang terlibat dengan pembangunan harta wakaf dan inovasi yang diterapkan dalam konsep wakaf *mu'qqat*. Analisis data kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan yang merupakan kaedah yang sering digunakan untuk kajian berbentuk kualitatif.

## **SOROTAN LITERATUR**

Terdapat beberapa kajian yang membincangkan kepentingan wakaf *mu'qqat* terhadap pembangunan ekonomi umat Islam. Md. Shahedur<sup>2</sup> antaranya mendapati bahawa mazhab Imam Mālikī menerima wakaf *mu'qqat* kerana akan memberikan kesan yang baik kepada masyarakat. Namun, pada masa yang sama tidak dapat dinafikan bahawa banyak manfaat yang telah berjaya dinikmati menerusi wakaf yang bersifat kekal. Kajian ini mencadangkan supaya wakaf *mu'qqat* dipertimbangkan kerana tiada sebarang jaminan yang dapat diberikan ke atas semua harta wakaf itu akan berkekalan kerana keterdedahan kepada apa jua kebarangkalian dan risiko kemusnahan yang diakibatkan oleh pelbagai faktor seperti bencana alam. Harta ini pula hanya akan bertahan selagi ia masih bernilai.

Menurut Monzer Kahf<sup>3</sup> serta kajiannya yang lain bersama Amiirah Nabee<sup>4</sup> wakaf *mu'qqat* membawa banyak manfaat kepada umat Islam kontemporari dan membuka ruang kebajikan yang tidak boleh diabaikan

---

<sup>2</sup> Md. Shahedur Rahman Chowdury, Mohd Fahmi Ghazali dan Mohd Faisal Ibrahim, "Economics of Cash Waqf Management in Malaysia: A Proposed Cash Waqf Model for Practioners and Future Researchers," *African Journal of Business Management*, Vol 5(30), 30 (November 2011), 12155-12163.

<sup>3</sup> Monzer Kahf, "*Al-Waqafu al-Islāmī Tatawwuruhi wa Idāratuhu wa Tanmiyyatuhu*" (Bayrūt: Dār al-Fikr al-Ma'āsir, 2000), 178; Monzer Kahf, "Financing the Development of Awqaf Property" (kertas kerja, Seminar Pembangunan Wakaf, Kuala Lumpur, 2-4 Mac 1998), 42.

<sup>4</sup> Monzer Kahf dan Amiirah Nabee Mohomed, "Cash Waqf: An Innovative Instrument of Personal Finance in Islamic Banking," *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, Vol-13, No.3, July-September 2017, 13.

kerana ia sangat berpotensi untuk dibangunkan bagi membantu memenuhi keperluan ummah supaya dapat mencapai kesejahteraan hidup. Monzer Kahf menyimpulkan bahawa kesemua fuqaha fiqh klasik tidak menjangkakan bahawa pada masa akan datang terdapat senario yang membawa kepada keperluan terhadap wakaf *mua'qqat* termasuklah dalam perihal masjid. Nik Mustapha Nik Hassan,<sup>5</sup> Latiff Azha et al.,<sup>6</sup> dan Monzer Kahf<sup>7</sup> menyatakan bahawa amalan wakaf itu sendiri adalah kaedah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui harta yang dimilikinya.

Sanep Ahmad<sup>8</sup> turut menelusuri sejarah dan mendapati bahawa wakaf sangat diperlukan untuk membangunkan ekonomi sesebuah negara kerana ia menjadi medium agihan semula kekayaan. Dalam penulisannya, beliau turut mengemukakan Pelan Pembangunan Ekonomi Malaysia iaitu Rancangan Malaysia ke9, Rancangan Malaysia ke10 dan Peruntukan Bajet 2010 yang meletakkan wakaf sebagai elemen penting dalam negara. Berbanding Ahmad Bello,<sup>9</sup> wakaf *mu'qqat* merupakan isu kontemporari berkaitan dengan ekonomi Islam yang boleh membantu menyelesaikan beberapa masalah yang tidak dapat ditampung dengan instrumen ekonomi Islam yang lain seperti zakat dan wakaf kekal itu sendiri. Oleh yang demikian, amalan wakaf bukan sekadar tuntutan agama bahkan kini mendapat tempat di dalam pentadbiran negara malahan pembudayaan berwakaf adalah perlu dipupuk dan dibajai dalam kalangan generasi Islam hari ini.

Pada masa yang sama, wakaf *mua'qqat* tidak boleh diketepikan sama sekali kerana ia jelas telah memberikan impak yang memberangsangkan dalam membantu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Islam di negara Islam yang lain. Seperti yang dinyatakan oleh Nor Asiah, Muhammad

---

<sup>5</sup> Nik Mustapha Nik Hassan, *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1999), vii.

<sup>6</sup> Latiff Azha et al., "The Practice and Management of Waqf in Malaysia" (6<sup>th</sup> International Conference on University and Learning and Teaching (INCULT), 2012).

<sup>7</sup> Monzer Kahf, "Towards the Revival of Awqaf: A Few Fiqhi Issues to Reconsider" (kertas kerja, Forum Kewangan dan Ekonomi Islam, Universiti Harvard, Amerika Syarikat, 1 Oktober 1999).

<sup>8</sup> Sanep Ahmad dan Nur Diyana Muhamed, "Institusi Wakaf Pembangunan Ekonomi Negara: Kes Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia" (makalah: Prosiding PERKEM VI. Jilid 1, 2011), 139.

<sup>9</sup> Ahmad Bello Dogarawa, "Poverty Alleviation Through Zakah and Waqf Institutions: A Case for the Muslim Ummah in Ghana" (kertas kerja, First National Muslim Summit, al-Furqan Foundation, Tamale, Ghana, 3 Oktober 2010), 22.

Laeba dan Omar<sup>10</sup> wakaf *mu'qqat* adalah diterima dan relevan dalam konteks Malaysia walaupun mazhab Syafie menolak keabsahannya. Beliau turut mencadangkan penerimaan pandangan minoriti mazhab Syafie dan pandangan utama dari mazhab Maliki kerana ia sangat relevan dengan keperluan berlandaskan *maslahah*. Maka, terdapat keperluan dalam mengutamakan hak serta keperluan umat berdasarkan *maqasid syariah* adalah sangat penting dan tidak bertentangan dengan mana-mana prinsip undang-undang Islam.

Kesimpulannya, kesemua kajian di atas hampir sama kerana mengutarakan manfaat yang diperolehi daripada wakaf *mu'qqat* di negara yang telah mengaplikasikannya. Perbezaan amat ketara pula jika dibandingkan dengan kurangnya kajian berkaitan wakaf *mu'qqat* di Malaysia kerana ia masih lagi di peringkat perbincangan serta belum dilaksanakan dengan giat di seluruh negara. Justeru itu, kajian ini cuba mengupas tentang kaitan wakaf *mu'qqat* dengan *maqasid syariah* dari aspek pembangunan ekonomi Islam di Malaysia berdasarkan data yang diperolehi sehingga ia dilihat perlu dilaksanakan di negara ini.

## **PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM**

Pembangunan ekonomi Islam di Malaysia adalah satu usaha berterusan dan holistik untuk merealisasikan kesejahteraan ummah melalui sistem ekonomi yang menepati syariah dan ia mempunyai perbezaan yang sangat ketara jika dibandingkan dengan pembangunan ekonomi konvensional.<sup>11</sup> Ia memberikan penekanan kepada pembangunan kemanusiaan dalam aspek keadilan, keutuhan sosial, pengagihan kekayaan yang saksama dan membasmu apa jua bentuk penindasan dalam transaksi ekonomi. Pendekatan ini bukan sahaja relevan untuk menghadapi cabaran ekonomi moden, tetapi juga seiring dengan ajaran al-Quran dan hadis yang menjadi panduan utama umat Islam dalam segala aspek kehidupan, termasuklah bidang ekonomi.

Pembangunan ekonomi Islam diasaskan dengan tauhid iaitu mengesakan Allah SWT memberikan impak secara holistik, syumul dan bermatlamatkan *al-falah* supaya pembangunan ummah yang bertamadun

---

<sup>10</sup> Nor Asiah Binti Mohamad, From “Protection” and “Preservation” to “Development” and “Right”: A New Approach of Objective of Shariah Via Waqf Mu'qqat, *Journal of Contemporary Business and Islamic Finance*, Volume 1, Issue 1, 2021.

<sup>11</sup> Asmak Ab Rahman, Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia, *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 1 (2009), 128.

dapat direalisasikan. Maka, semua aktiviti ekonomi dianggap sebagai ibadah dan bertujuan untuk beroleh keredaan Allah SWT dengan syarat ia selari dengan syariah itu sendiri.<sup>12</sup> *Maqasid syariah* merupakan objektif dan matlamat tertinggi syariah menjadi sandaran utama dalam pembangunan ekonomi Islam. Ia bertujuan untuk memelihara tiga aspek yang diperlukan dalam kehidupan manusia iaitu *maslahah* utama (paling asas) yang terdiri lima perkara asas kehidupan manusia: *Maslahah* pada kategori kedua iaitu *maslahah* keperluan dan yang terakhir *maslahah* keselesaan. Berikut adalah bagaimana pembangunan ekonomi Islam selari dengan *maqasid syariah*:

### 1. *Maslahah Daruriyyah* (Paling Asas)

*Maslahah daruriyyah* ini bertujuan memelihara lima aspek utama kehidupan iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Secara ringkasnya dibincangkan seperti berikut:

#### a) *Pemeliharaan Agama (Hifz al-Din)*

Memelihara agama merujuk kepada tindakan menjaga dan juga memastikan ia dapat diamalkan, dikembangkan dan juga diperkasakan melalui pelbagai pendekatan. Hal ini turut dibincangkan seperti teks berikut:

فَحِفْظُ الدِّينِ: وَذَلِكَ بِإِمْتِثَالِ أَمْرِ اللَّهِ وَأَمْرِ رَسُولِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
بِوَقْفِ الْمَالِ، وَبِنَاءِ الْمَسَاجِدِ، وَتَأْسِيسِ الْمَدَارِسِ الْإِسْلَامِيَّةِ، وَطِبَاعَةِ  
الْمَصَاحِفِ، وَالْكِتَابِ الدِّيْنِيَّةِ، وَعَيْرِ ذَلِكَ مِمَّا فِيهِ حِفْظُ الدِّينِ

*“Memelihara agama: Ini adalah dengan mentaati perintah Allah dan perintah Rasul-Nya s.a.w, mewakafkan harta, membina masjid dan mendirikan sekolah-sekolah Islamiyyah, mencetak al-Quran, kitab-kitab agama dan perkara lain yang melibatkan memelihara agama”<sup>13</sup>*

Teks di atas menunjukkan amalan wakaf membawa kepada tindakan mendukung objektif yang dibawakan dalam *maqasid syariah* yang pertama iaitu memelihara agama. Pelaksanaan amalan wakaf misalnya membina

<sup>12</sup> Asmak Ab Rahman, Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia, *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 1 (2009), 132.

<sup>13</sup> Khālid bin Alī bin Muhammad al-Masyīqah, *al-Jāmi' li Ahkām al-Waqf wa al-Hibāt wa al-Wasāyā* (Qatar: Wizāratu al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah al-Qatariyyah, 2013), 1:98

masjid akan membantu masyarakat untuk menunaikan ibadah solat berjemaah ataupun menjadi tempat persinggahan untuk menunaikan solat. Tidak terhad dengan itu, masjid juga boleh digunakan untuk menjalankan pelbagai aktiviti lain seperti kelas fardu ain, aktiviti dakwah seperti kelas-kelas tafaqquh dan ceramah agama.<sup>14</sup> Seperti yang berlaku pada hari ini, masjid boleh dijadikan tempat untuk majlis akad nikah. Manakala, dewannya boleh disewakan untuk majlis perkahwinan dan seminar.

### **b) Pemeliharaan Nyawa (*Hifz al-Nafs*)**

Amalan yang turut dikenali sebagai salah satu daripada amal jariah berfungsi dalam memberikan perlindungan terhadap nyawa melalui pelbagai pendekatan. Wakaf berupaya memelihara nyawa dengan pelbagai pendekatan seperti pembinaan sebuah hospital yang menggunakan dana yang diwakafkan. Atau dana tersebut digunakan untuk menampung keperluan harian seperti yang dinyatakan menerusi teks berikut:

وَأَمَّا حِفْظُ النَّفْسِ: فَمِثْلُ: الْوَقْفِ عَلَى مِيَاهِ الشُّرْبِ وَوَقْفِ الْأَطْعَمَةِ،  
وَالْوَقْفِ عَلَى الْمَسَاكِينِ وَالْفُقَرَاءِ، وَوَقْفِ الْمُسْتَشْفِيَّاتِ

*“Adapun pemeliharaan diri: seperti: wakaf air minuman, wakaf makanan, wakaf orang fakir dan fakir, wakaf hospital”.*<sup>15</sup>

Antaranya ialah dana yang diperolehi daripada amalan wakaf dalam bentuk wang mencukupi mampu membantu membangunkan sebuah hospital yang menawarkan akses khidmat perubatan secara percuma kepada masyarakat yang kurang berkemampuan. Dengan adanya rawatan tanpa bayaran ini, ia dapat mengurangkan kadar kematian bagi penyakit yang boleh diubati. Contoh yang lain ialah, dengan mewakafkan sejumlah wang untuk menampung pembiayaan penggalian telaga yang membekalkan air bersih kepada penduduk di sesebuah tempat. Dengan adanya langkah ini, penduduk yang berhadapan dengan krisis misalnya akan dapat dibantu untuk menjalani kehidupan yang lebih berkualiti, penjagaan kebersihan dapat menjauhi penyakit dan seterusnya menyelamatkan nyawa.<sup>16</sup>

<sup>14</sup> Asmak Ab Rahman, Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia, *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 1 (2009), 134.

<sup>15</sup> Al-Masyiqah, *al-Jāmi' li Ahkām al-Waqf wa al-Hibāt wa al-Wasāyā*, 1:98

<sup>16</sup> <http://islamic-relief.org/24> Januari 2025.



**c) Pemeliharaan Akal (*Hifz al-'Aql*)**

Akal adalah kurniaan Allah yang sangat penting di dalam Islam kerana ia adalah asas untuk memahami agama, nilai kehidupan serta pembangunan masyarakat yang sejahtera. Aset atau harta yang diwakafkan untuk tempoh-tempoh tertentu mampu membantu memelihara akal dan mengembangkan kemampuan akal manusia seperti yang dinyatakan di dalam teks di bawah:

وَأَمَّا حِفْظُ الْعَقْلِ: فَمِثْلُ: وَقَفِ الْمَدَارِسِ، وَالْمَعَاهِدِ الْإِسْلَامِيَّةِ، وَالْكِتَابِ،  
وَعَيْرِ ذَلِكَ مِمَّا فِيهِ تَنْمِيَةٌ لِلْعَقْلِ

*“Adapun memelihara akal: contohnya: wakaf sekolah, institusi Islam, kitab-kitab dan lain-lain yang mengembangkan akal”.*<sup>17</sup>

Pelaksanaan amalan wakaf dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan untuk membangunkan kemudahan yang bersifat ilmiah untuk ditawarkan kepada masyarakat. Seperti pembinaan sekolah dan kelengkapan buku yang boleh membantu usaha dakwah dan mengembangkan agama Islam. Sebagai contoh, kemudahan pendidikan yang ditawarkan pada aman Kerajaan Uthmaniyyah antara yang banyak dibiayai dengan dana wakaf. Ratusan ribu dirham bukan hanya digunakan untuk membiayai pendidikan bahkan juga ia telah dilaburkan menggunakan kontrak *murabahah* yang hasil keuntungannya dibelanjakan untuk gaji guru sekolah, pembantu guru, orang yang membaca al-Quran dan nazir wakaf.<sup>18</sup> Akademi Tahfiz Hidayatul Quran Annur, yang terletak di Sibu, Sarawak dibina dengan menggunakan dana wakaf yang disumbangkan oleh Masyarakat menerusi beberapa kaedah seperti perbankan internet kepada MyWakaf dengan kerjasama RHB Islamic.<sup>19</sup>

**d) Pemeliharaan Keturunan (*Hifz al-Nasl*)**

Wakaf juga terbukti mampu membantu memelihara keturunan dengan memastikan kebajikan, kesejahteraan dan kelangsungan keturunan manusia melalui ikatan perkahwinan yang sah dan perlindungan terhadap hak-hak generasi pada masa hadapan. Al-Masyiqah turut membincangkan perihal ini:

<sup>17</sup> Al-Masyiqah, *al-Jāmi' li Ahkām al-Waqf wa al-Hibāt wa al-Wasāyā*, 1: 98

<sup>18</sup> Asmak Ab Rahman, Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia, *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 1 (2009), 133-134.

<sup>19</sup> <https://www.mywakaf.com.my/ms/completed-projects/>, 25 Januari 2025

وَأَمَّا حِفْظُ النَّسْلِ: فَمِثْلُ: الْوَقْفِ عَلَى الْأَبْنَاءِ وَالذَّرِّيَّةِ، وَالْوَقْفِ عَلَى  
الْمُرْضُوعِينَ، وَوَقْفِ مُؤَسَّسَاتِ رِعَايَةِ الْأَيْتَامِ، وَالْوَقْفِ عَلَى النِّسَاءِ  
الْمُرْضِعَاتِ، وَعَيْرِ ذَلِكَ مِمَّا فِيهِ حِفْظُ النَّفْسِ

“Adapun memelihara nasab: seperti: wakaf untuk anak-anak dan keturunan, wakaf untuk orang yang sudah berkahwin, wakaf untuk institusi penjagaan anak yatim, dan lain-lain tinggal bersama wanita menyusui, dan lain-lain perkara yang memelihara diri”.<sup>20</sup>

Dalam konteks menjaga keturunan pada hari ini, dana ataupun harta wakaf turut dimanfaatkan oleh pelbagai pihak. Langkah ini diambil untuk menyokong kesejahteraan generasi akan datang untuk membesar dalam keadaan yang sihat, berpendidikan dan berakhlak mulia selari dengan prinsip yang ingin dicapai dalam *maqasid syariah*. Ia memberikan perlindungan dan bantuan kepada mereka yang memerlukan seperti mangsa bencana alam dan mangsa peperangan.<sup>21</sup>

#### e) Pemeliharaan Harta (*Hifz al-Mal*)

Ekonomi Islam mewajibkan pengurusan harta secara telus dan bertanggungjawab. Ia melarang pembaziran dan melindungi hak milik individu serta masyarakat. Aspek *maqasid syariah* yang terakhir ialah menjaga harta yang bertujuan untuk menjamin kestabilan ekonomi, mengelakkan pembaziran dan memajukan ekonomi umat Islam. Bagi merealisasikan tujuan ini, amalan wakaf juga berperanan sebagai salah satu mekanisme yang dapat memelihara harta dan memanfaatkannya secara berkekalan. Dengan cara mewakafkan harta, ia dapat memberikan manfaat kepada orang lain yang memerlukan sama ada secara persendirian ataupun masyarakat umum.

Aset atau harta yang diwakafkan untuk tempoh tertentu boleh dimanfaatkan untuk memelihara harta yang lain. Perkara ini juga dibincangkan oleh al-Masyīqah:

وَأَمَّا حِفْظُ الْمَالِ: فَأَصْلُ الْوَقْفِ فِيهِ حِفْظٌ لِلْمَالِ: إِذْ فِيهِ تَحْيِيسٌ لِأَصْلِهِ  
وَالْمَنْعُ مِنَ التَّصْرِفِ فِيهِ بِمَا يَذْهَبُهُ

<sup>20</sup> Al-Masyīqah, *al-Jāmi' li Ahkām al-Waqf wa al-Hibāt wa al-Wasāyā*, 1: 99

<sup>21</sup> <http://islamic-relief.org/> 25 Januari 2025

*“Bagi memelihara harta: prinsip asas wakaf ialah memelihara harta. Ia melibatkan menahan asalnya dan menghalangnya daripada dilupuskan dengan apa-apa yang boleh memusnahkannya”.*<sup>22</sup>

Konsep kewangan Islam pada hari ini seperti perbankan tanpa riba, sukuk (bon Islam), unit amanah dan saham wakaf, adalah contoh bagaimana pemeliharaan harta diterapkan yang selaras dengan syarak dengan menggunakan konsep wakaf dalam bentuk kontemporari.<sup>23</sup>

## **2. Masalah Hajiyah (Masalah yang Diperlukan)**

*Maslahah* ini merupakan apa jua perkara yang diperlukan supaya manusia dapat memudahkan perjalanan kehidupan mahupun dalam menjalankan tanggungjawabnya. Ini bermakna, *masalah hajiyah* adalah tambahan daripada keperluan asas agar dapat menangani kesusahan yang tidak akan merosakkan nilai kehidupan manusia sekiranya ia tidak dapat diperolehi. Menurut al-Masyiqah:

وَأَمَّا الْمَصَالِحُ الْحَاجِيَّةُ: فَهِيَ الَّتِي يُقْصَدُ مِنْهَا التَّوَسُّعُ، وَرَفْعُ الضِّيقِ  
الْمُؤَدِّي لِلْحَرْجِ وَالْمَشَقَّةِ بِمَوْتِ الْمَطْلُوبِ

*“Adapun masalah hajiyah: ia dimaksudkan dengan memberikan kelapangan dan menghilangkan kesulitan yang membawa kepada kesusahan dan kesukaran untuk mendapatkan apa yang diperlukan”.*<sup>24</sup>

Oleh yang demikian, walaupun ia tidak bersifat darurat atau keperluan mendesak, ia masih dianggap penting kerana membantu melancarkan urusan hidup manusia seharian. Jika keperluan ini tidak dipenuhi, ia juga boleh membawa kepada kesulitan atau tekanan dalam melaksanakan urusan seharian.

<sup>22</sup> Al-Masyiqah, *al-Jāmi' li Ahkām al-Waqf wa al-Hibāt wa al-Wasāyā*, 1: 99

<sup>23</sup> Asmak Ab Rahman, Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia, *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 1 (2009), 139; Syahnaz Sulaiman dan Aznan Hasan, Dinamisme Wakaf Unit Amanah Menurut Perspektif Syarak, *Jurnal Syariah*, Jil. 25, Bil. 2 (2017), 170.

<sup>24</sup> Al-Masyiqah, *al-Jāmi' li Ahkām al-Waqf wa al-Hibāt wa al-Wasāyā*, 1: 99

### 3. *Maslahah Tahsiniyyah* (*Maslahah Yang Membawa Kepada Keselesaan*)

*Maslahah* yang terakhir ini adalah *maslahah* yang diperlukan oleh manusia sebagai pelengkap supaya dapat memelihara maruah, akhlak dan nilai-nilai kehidupan yang tinggi. Menurut al-Masyīqah, *maslahah tahsiniyyah* adalah:

وَأَمَّا الْمَصَالِحُ التَّحْسِينِيَّةُ: فَهِيَ كُلُّ مَا يَعُودُ بِمَحَاسِنِ الْأَخْلَاقِ وَمَكَارِمِ الْعَادَاتِ.

“Dan *maslahah tahsiniyyah*: ia adalah setiap apa yang kembali kepada sesuatu yang membawa kepada pembinaan akhlak yang baik dan adat yang mulia”.<sup>25</sup>

Oleh yang demikian dapat difahami bahawa aset wakaf digunakan untuk mewujudkan persekitaran masyarakat yang harmoni. Ia juga dapat memenuhi keperluan manusia untuk melancarkan urusan dalam hidup bermasyarakat.

### KONSEP DAN HUKUM WAKAF *MU'AQQAT*

Wakaf *mu'aqqat* menurut al-Kasynāwī dari mazhab Imam Mālikī adalah satu bentuk wakaf yang diikat dengan satu masa dan tempoh yang dihadkan oleh pewakaf. Apabila berlalu atau luput tempoh yang ditetapkan, status pemilikan harta yang diwakafkan itu akan kembali semula kepada pewakaf.<sup>26</sup> Takrif lain yang diutarakan oleh Ibnu Abd al-Salam dari mazhab Imam Mālikī bahawa wakaf *mu'aqqat* ialah:

جَعَلَ الْمُنْفَعَةَ مَمْلُوكًا وَلَوْ بِأَجْرَةٍ أَوْ عَلَيْهِ لِمُسْتَحَقٍّ، بِصَيِّغَةِ مُدَّةٍ مَا يَرَاهُ الْمُحِبِّسُ

<sup>25</sup> Al-Masyīqah, *al-Jāmi' li Ahkām al-Waqf wa al-Hibāt wa al-Wasāyā* 1: 99

<sup>26</sup> Abu Bakar al-Khashnāwī, *Ashalu al-Madārik* (Bayrūt, Dār al-Fikr Cetakan ke2, t.t), 3, 102; Abdu al-Wahab bin Ibrahim Abū Sulaiman, *Nadwah al-Maktabāt al-Waqfiyyah fī al-Mamlakati al-Arabiyyah al-Su'ūdiyyah* (al-Madīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Mulk Abdu al-'Azīz, 1999) 16.

“Menjadikan manfaat sesuatu yang dimiliki, walaupun dengan upah atau hasilnya kepada orang yang berhak, dengan kenyataan untuk tempoh yang ditentukan oleh pewakaf”.<sup>27</sup>

Frasa di atas merujuk kepada konsep pemberian manfaat atau keuntungan dari suatu harta yang diwakafkan kepada pihak yang ditentukan, sama ada dalam bentuk upah ataupun hasil dari harta tersebut. Manfaat ini diberikan berdasarkan perjanjian atau *sīghah* untuk tempoh yang ditentukan oleh pewakaf. Dari takrif di atas juga, dapat difahami bahawa wakaf tidak harus bersifat kekal, dan pewakaf mempunyai hak untuk menetapkan jangka masa tertentu bagi orang lain memanfaatkan harta tersebut, selaras dengan prinsip wakaf *mu'qqat* itu sendiri. Muhamad Firdaus Abdul Rahman dan Muhammad Amanullah mentakrifkan wakaf *mu'qqat* berikut:

تَحْدِيدُ الْوَأَقْفِ غَايَةً مُعَيَّنَةً إِمَّا بِالزَّمَنِ أَوْ بِالطَّبَقَةِ لِإِنْتِهَاءِ الْوَقْفِ بِالضَّمَوَابِطِ  
الَّتِي تُحَدِّدُهَا اللَّامِحَةُ التَّنْفِيذِيَّةُ وَفَقًّا لِأَحْكَامِ الشَّرِيعَةِ وَمَصَالِحِ الْوَأَقْفِ  
وَالْمَوْقُوفِ عَلَيْهِ وَالْأَعْيَانَ الْمَوْقُوفَةَ

“Satu bentuk wakaf yang membenarkan pewakaf untuk menetapkan sebarang syarat samada ianya bersifat bertempoh (*ta'qit*) atau menghadkan kepada keturunan tertentu pewakaf, dan syarat tersebut harus selari dengan dengan prinsip serta peruntukan perundangan yang telah diperuntukkan oleh Lembaga Wakaf Negeri, bertepatan dengan hukum syarak, serta bertepatan dengan masalah pewakaf, penerima wakaf (*mawquf 'alayh*) dan harta wakaf (*mawquf*)”.<sup>28</sup>

Berdasarkan kedua-dua takrif di atas, wakaf *mu'qqat* mengandungi tempoh masa dan ia bertentangan dengan amalan wakaf buat selamanya yang telah diamalkan selama ini.

<sup>27</sup> Abī al-Barakāt bin Muhammad bin Ahmad Al-Dardīr, *al-Syarhu al-Soghīr Ma'a Bulghati al-Sālik li-Aqrobi al-Masālik* (Qāhirah: Dār al-Ma'ārif, 1986) 4, 10-9.

<sup>28</sup> Muhamad Firdaus, A. R., & Amanullah, M. The Nature of Temporary Waqf, its Ruling and Public Interest, *Global Journal Al-Thaqafah*, 7(2), 2017. 175–1187.

Pensyarian wakaf *mu'qqat* menjadi perbahasan ulama fiqh dan hukumnya ditetapkan melalui proses *ijtihad*<sup>29</sup> yang membuka ruangan kepada para fuqaha untuk membincangkan pandangan masing-masing dan ia merupakan satu rahmat kepada umat Islam.

## 1. Wakaf *Mu'qqat* Tidak Sah:

Wakaf *mu'qqat* tidak diterima oleh majoriti fuqaha dari mazhab Imam Shāfi'ī, Imam Hanbalī dan Imam Hanafī kerana mereka mensyaratkan wakaf itu adalah berkekalan. Dalil yang diutarakan adalah bersandarkan kepada *qiyās*. Pertama, wakaf diqiyaskan dengan jualbeli. Apabila selesai akad *ījāb* dan *qābul*, maka pemilikan harta dari pihak penjual itu berubah buat selama-lamanya kepada pihak pembeli. Kedua, fuqaha daripada mazhab Imam Hanafī menyatakan bahawa wakaf diqiyaskan dengan sedekah untuk mendekatkan diri kepada Allah dan mendapatkan keredaan-Nya.

Fuqaha mazhab Imam Hanafī juga menjelaskan bahawa sekiranya wakaf sesuatu harta seperti hamba, rumah, ataupun kebun ditetapkan untuk satu tempoh tertentu, maka wakafnya tidak sah kerana ia telah menafikan syarat bahawa wakaf sesuatu harta itu mestilah buat selama-lamanya.<sup>30</sup> Dalam erti kata lain, konsep amal jariah hanya boleh direalisasikan sekiranya wakaf berlaku untuk selama-lamanya.

## 2. Wakaf *Mu'qqat* Sah:

Wakaf *mu'qqat* diharuskan oleh Abu Yusuf<sup>31</sup> dan Ibnu Muslim al-Ra'yi dari mazhab Imam Hanafī, fuqaha mazhab Imam Mālikī,<sup>32</sup> sebahagian dari

---

<sup>29</sup> Muhammad Firdaus Ab Rahman dan Muhammad Amanullah, "Al-Taḥdiyyāt Wa Al-Isykalāt Allati Tuwājihu Tatbīq Sīghah Al-Waqafu Al-Mu'qqatu fī Wilāyati Mukhtarāh fī Māliziā: al-Suaru al-Mustahdisah wa Dowābituhā", *Majallah Jāmi'ah al-Mālik Abd al-Aziz: al-Iqtisād al-Islāmī*. (2017), pp. 291-314, doi: 10.4197 / Islec. 30-3: 12.

<sup>30</sup> Mansūr bin Yūnus al-Buhūti, *Kasysyāfu al-Qinā'i 'an Matan al-Iqnā'* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1982), 4: 254; Sāleh ibn Muhammad ibn Ibrahīm al-Yābis, *al-Hāwī al-Saghīr li Najmu al-Dīn Abd Allah al-Ghaffārī ibn Abd al-Karīm al-Qazwīnī* (Bayrūt: Dār al-Jauzī, 2009), 394.

<sup>31</sup> Ibnu al-Hummām, *Syarah Fath al-Qadīr*, 6, 214.

<sup>32</sup> Al-Dardīr, *Syarah al-Saghīr*, 4, 9-10; al-Dardīr, *Syarah al-Kabīr*, 4, 87; al-Kharsyī, *Syarah Mukhtasar Khalīl*, 7, 92; Muhammad ibn Ahmad ibn `Urfah al-Dusuqī, *Hāshiyat Al-Dusuqī, `Ala Al-Sharh Al-Kabīr*, (Qāhirah : Dār Ihyā' al-Kutub al-`Arabiyyah, 1980), 4: 88.

mazhab Imam Shāfi'ī<sup>33</sup> dan Imam Hanbalī.<sup>34</sup> Menerusi pendapat kedua ini, mereka tidak mensyaratkan wakaf itu untuk selama-lamanya.<sup>35</sup> Para fuqaha ini membenarkan pewakaf menentukan had masa dalam *sīghah* wakaf dan tidak meletakkan *ta'qīt* sebagai syarat sah wakaf. Dalam erti kata yang lebih mudah, konsep amal jariah tetap akan berlaku ketika harta berkenaan berada di dalam keadaan wakaf. Oleh yang demikian, apabila tiba masa yang dinyatakan, pemilikan harta wakaf tersebut akan kembali semula kepada pemilik asal sekiranya masih hidup.

## **APLIKASI WAKAF *MU'QQAT* DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM DI MALAYSIA**

### **1. *Maslahah* Kepada Harta Wakaf**

Pada dasarnya, wakaf *mu'abbad* (wakaf kekal) memberikan *maslahah* besar dengan membuka peluang kepada umat Islam untuk mengamalkan dan mengembangkan konsep wakaf dalam bentuk yang lebih inovatif dan relevan dengan keperluan semasa. Sifat kekal wakaf memastikan harta wakaf terus dimanfaatkan untuk generasi mendatang, sambil memberi ruang kepada pelbagai bentuk wakaf moden yang relevan dengan gaya hidup dan keperluan umat Islam di Malaysia pada hari ini seperti wakaf tunai, wakaf korporat, dan wakaf digital, yang lebih mudah diakses oleh masyarakat.<sup>36</sup> Sebagai contoh, pembinaan Menara Bank Islam di atas tanah wakaf Allahyarham Ahmad Dawjee Dadabhoy bukan sahaja berjaya memberikan manfaat ekonomi yang signifikan dalam memenuhi *maqasid syariah*, tetapi tanah wakaf ini juga dapat dimanfaatkan secara produktif, menghasilkan sumber pendapatan berterusan melalui aktiviti komersial yang halal dan mematuhi syariah.<sup>37</sup>

<sup>33</sup> Al-Nawāwī, *Rawdatu al-Tālibīn*, 5: 325; Muhammad bin Muhammad al-Khātīb al-Syarbīnī, *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifati Ma'ani Alfāz al-Minhāj* (Qāhirah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah, t.t.), 3: 474.

<sup>34</sup> 'Ala al-Dīn Abī al-Hasan 'Alī bin Sulaiman bin Ahmad Al-Mardāwī, *Al-Insāf fī Ma'rifati al-Rājih min al-Khilāf 'ala Mazhabi al-Imām Ahmad ibnu Hanbal* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 7:34.

<sup>35</sup> Abū Bakr bin Hasan bin 'Abdullah al-Kashnāwī, *Ashal al-Madārik*, Vol. 3, (Bayrūt: Dār al-Fikr), 102.

<sup>36</sup> Asmak Ab Rahman, Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia, *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 1 (2009), 124-125.

<sup>37</sup> Monzer Kahf, *Waqf and its Role in Socioeconomic Development*, Islamic Research and Training Institute (IRTI), Islamic Development Bank, 15-18.

Pada hari ini, wakaf harta tak alih tidak lagi menjadi lambang kekayaan seseorang walaupun satu ketika dahulu ia sememangnya intipati dalam amalan wakaf. Seiring dengan perkembangan ekonomi, kekayaan yang dimiliki oleh seseorang juga adalah bergantung kepada sejumlah wang yang disimpan di dalam bank, bon, saham, syarikat pengangkutan dan mereka yang mempunyai kerjaya dalam bidang profesional. Justeru, mereka ini adalah antara yang mampu untuk berwakaf secara wakaf *mu'qqat* berdasarkan kesesuaian harta ataupun kepakaran yang dimiliki.<sup>38</sup> Dengan menggunakan instrumen wakaf *mu'qqat*, pelbagai produk wakaf yang inovatif dan fleksibel dapat diwujudkan untuk memenuhi keperluan masyarakat yang berubah-ubah. Ia juga memaksimumkan impak positif daripada harta yang diwakafkan. Wakaf *mu'qqat* telah diterapkan dalam program CIMB Islamic Rider Entrepreneur 2.0. Gandingan antara CIMB Islamic dengan Yayasan Wakaf Malaysia, Yayasan Belia Malaysia dan Food Panda melalui sebuah motosikal yang diwakafkan kepada peserta program berkenaan dan digabungkan dengan konsep hibah setelah tamat tempoh percubaan selama satu tahun. Ia juga memberikan gambaran bahawa satu inovasi dalam bidang wakaf yang sememangnya berpotensi untuk dikembangkan.

*“Dari sudut membuat satu konsep yang baru dalam wakaf ni dia berjaya”.*<sup>39</sup>

Teks di atas merujuk kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh Mantan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wakaf Malaysia dalam respon beliau berkaitan wakaf *mu'qqat* dalam program CIMB Islamic Rider Entrepreneur 2.0. Jelas dan dapat difahami bahawa wakaf *mu'qqat* yang dilaksanakan bukan sahaja dapat memberikan *masalah* kepada harta wakaf berkenaan kerana ia dapat digunakan sebagai kenderaan untuk penghantar makanan, malahan program ini juga telah menerbitkan satu inovasi dalam penciptaan wakaf moden yang relevan pada hari ini.

## **2. Masalah Kepada Pewakaf**

Wakaf *mu'abbad* membuka peluang kepada pemilik harta untuk berwakaf secara berkekalan. Walaupun pemilikan harta tersebut terputus dari pewakaf, pewakaf dapat mendekati diri kepada Allah SWT dan meraih pahala menerusi manfaat yang dinikmati oleh penerima wakaf tanpa

---

<sup>38</sup> Yūsuf Ibrāhīm Yūsuf, “Majallat Waqfiyyah Muqtariyah li Tanmiyyah Mustadāmah al-Waqf al-Mu'qqat” (kertas kerja, Seminar Wakaf kali ke-2, Universiti Ummu al-Qurā', Mekah, 2006), 20. *ā ī*

<sup>39</sup> Mantan Ketua Pegawai Eksekutif YWM



berlaku sebarang pembaziran buat selama-lamanya.<sup>40</sup> Apabila diteliti dari sudut ekonomi, pewakaf yang mewakafkan aset bersifat produktif tentunya akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan menepati *maqasid syariah* kerana ia dapat dimanfaatkan secara optimum.

Wakaf *mu'qqat* pula tampil sebagai jalan keluar bagi mengatasi kekangan untuk berwakaf secara *mu'abbad*. Walaupun berwakaf, pemilik harta masih berkesempatan untuk mendekati diri kepada Allah SWT dan pada masa yang sama dapat turut serta dalam amalan wakaf. Menerusi manfaat yang dinikmati oleh penerima wakaf tanpa berlaku sebarang pembaziran dan harta tersebut akan diperolehi semula setelah tamat tempoh wakaf berkenaan.<sup>41</sup> Oleh yang demikian, pewakaf bukan hanya dapat mendekati diri kepada Allah SWT tetapi juga akan mendapat kembali harta berkenaan. Dapat dilihat di sini, pewakaf dapat merancang dan membuat pilihan penggunaan harta sama ada sewaktu harta tersebut diwakafkan seterusnya setelah tamat tempoh sama ada untuk diserahkan kepada individu lain sebagai harta wakaf atau diserahkan kepada warisnya sendiri. Dengan itu, pewakaf juga dapat menjaga keturunannya dengan mewarisi harta tersebut setelah tamat tempoh wakaf *mu'qqat*. Pada masa yang sama, tindakan ini dapat memelihara nyawa sama ada ketika harta itu diwakafkan dan pada ketika ia diserahkan kepada waris setelah tamat tempohnya.

### **3. Masalah Kepada Penerima Manfaat Wakaf**

Isu kemiskinan mampu mengakibatkan pelbagai impak negatif terhadap aspek material, pegangan agama, kestabilan emosi, kewarasan mental, dan keselamatan nyawa. Maka, amalan wakaf memang bertujuan untuk memberikan manfaat kepada penerima wakaf. Ia menyediakan platform kepada keperluan asas seperti pendidikan, kesihatan, dan kemudahan awam, yang meningkatkan kualiti hidup mereka. Manfaat ini membawa kepada kesejahteraan sosial dan ekonomi terutamanya golongan asnaf, dengan memberikan mereka peluang untuk berdikari dan mengatasi kesemua isu yang dinyatakan di atas. Dalam konteks ini, wakaf tidak hanya memenuhi prinsip syariah dalam pengagihan semula kekayaan secara adil,

---

<sup>40</sup> Yūsuf Ibrāhīm Yūsuf, “Majallat Waqfiyyah Muqtariyah li Tanmiyyah Mustadāmah al-Waqf al-Mu’aqqat”, 21.

<sup>41</sup> Yūsuf Ibrāhīm Yūsuf, “Majallat Waqfiyyah Muqtariyah li Tanmiyyah Mustadāmah al-Waqf al-Mu’aqqat”, 21.

bahkan ia juga memastikan kelestarian ekonomi dengan memberikan manfaat berterusan kepada penerima wakaf.<sup>42</sup>

Wakaf *mu'abbad* juga berupaya memupuk semangat keusahawanan dengan menyediakan aset kekal seperti tanah, bangunan, atau modal yang boleh dimanfaatkan secara berterusan untuk menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan dan projek ekonomi. Elemen kekal dalam wakaf *mu'abbad* memastikan aset-aset ini dilindungi daripada sebarang bentuk pembaziran atau perebutan. Ia juga membolehkan usahawan menggunakan sumber tersebut untuk menghasilkan pendapatan dan membangunkan perniagaan mereka dalam jangka panjang. Tanah wakaf boleh dijadikan tapak pasar, ladang pertanian, atau pusat perniagaan yang memberi peluang kepada masyarakat untuk berniaga dan meningkatkan taraf ekonomi mereka. Selain itu, keuntungan daripada aktiviti keusahawanan ini boleh disalurkan kembali untuk pembangunan masyarakat, seperti membiayai pendidikan, kesihatan, dan bantuan kepada golongan asnaf. Indonesia misalnya, terdapat cadangan dalam membangunkan model wakaf tunai untuk membantu golongan usahawan dalam bentuk pembiayaan mikro sebagai salah satu langkah menangani kemiskinan.<sup>43</sup> Contoh yang lain, projek pembangunan Kompleks Wakaf Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di Kuala Lumpur, yang menyediakan ruang perniagaan kepada usahawan kecil, membuktikan bagaimana wakaf *mu'abbad* memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan daya saing ekonomi umat Islam, menggalakkan inovasi, serta memastikan kekayaan diagihkan secara adil, sejajar dengan prinsip *maqasid syariah* untuk mencapai kesejahteraan sosial dan ekonomi.<sup>44</sup>

Sungguhpun amalan wakaf *mu'abbad* memang bertujuan untuk memberikan manfaat kepada penerima wakaf, namun terdapat situasi yang memberikan gambaran bahawa tidak semua penerima manfaat harta wakaf perlu kepada manfaat harta wakaf ini sepanjang hayat mereka. Justeru, wakaf *mu'abbad* juga tidak ketinggalan dalam membantu menangani

---

<sup>42</sup> Monzer Kahf, *The Role of Waqf in Socioeconomic Development*, Islamic Development Bank (IDB), 52-55.

<sup>43</sup> Ascarya Ascarya, Raditya Sukmana, Siti Rahmawati dan Atika Rukminastiti Masrifah, Developing Cash Waqf Models for Baitul Maal wat Tamwil as Integrated Islamic Social and Commercial Microfinance, *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, Vol. 14, No. 5, 2023, 713-714.

<sup>44</sup> Monzer Kahf, *The Role of Waqf in Socioeconomic Development*, Islamic Development Bank (IDB), 48-51; Asmak Ab Rahman, Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia, *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 1 (2009), 140.

kemelum material, pegangan agama, kestabilan emosi, kewarasan mental, dan keselamatan nyawa. Bahkan, ia menyemai semangat keusahawanan dengan menyediakan aset atau modal untuk dimanfaatkan dalam tempoh tertentu, memberi peluang kepada individu atau komuniti untuk membangunkan perniagaan tanpa memerlukan pelaburan awal yang besar. Melalui konsep ini, aset seperti tanah, bangunan, atau peralatan boleh digunakan oleh usahawan untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka berdasarkan tempoh wakaf yang ditetapkan. Ini memberi insentif kepada usahawan untuk berusaha dengan lebih tekun, memanfaatkan aset wakaf dengan cekap, dan mencapai keuntungan dalam tempoh yang diberikan. Selepas tempoh tersebut, aset wakaf dapat digunakan untuk tujuan lain atau diberikan kepada penerima baharu, memastikan manfaatnya terus berpanjangan kepada masyarakat.

Contohnya, wakaf *mu'qqat* boleh membantu pembangunan pusat perniagaan sementara atau ladang pertanian yang membantu usahawan kecil meningkatkan pendapatan mereka. Pendekatan ini bukan sahaja menggalakkan keusahawanan yang berdaya tahan, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi setempat secara lestari, selari dengan *maqasid syariah* untuk memelihara harta dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Program CIMB Islamic Rider Entrepreneur 2.0 turut mendokong aspirasi ini.

*“Objektif ke dua adalah kami ingin melahirkan usahawan kecil daripada program ini. Nampak macam tak memberikan impak kan tetapi sebenarnya ada logik dia. foodpanda rider ni kami bagi mereka kursus keusahawanan sebelum mereka start bekerja sebagai food delivery rider. Idea dia, bila kita bagi mereka ilmu berkenaan dengan keusahawanan. Satu, kita boleh nampak sama ada mereka ni berjiwa besar atau tidak. Dan yang kedua bila mereka bawak motorsikal dengan foodpanda ni mereka akan bergerak daripada satu usahawan kepada satu usahawan kepada satu usahawan. Goreng pisang, burger, restoran kecil, restoran besar, dorang akan bergerak tau. Kalau dorang pergi ke usahawan yang lain tanpa ada dekat belakang mind dorang tadi plan atau konsep keusahawanan yang telah di inject, mereka akan tahu bahawa dia pergi situ nak ambik makanan, balik dapat duit. Jadi bila kita subconsciously bagi mereka ilmu berkenaan keusahawanan tadi tu, mereka attend bootcamp, kita akan ajar mereka financial planning, ajar mereka keusahawanan, dll... bila mereka pergi kedai burger, “eh kenapa kawan ni buat perniagaan dia macam ni,” Dia dah start triggering tau.*

“Kenapa dia boleh buat, takkan saya tak boleh buat.” “Oh abang ni jual goreng pisang sampai RM250 sehari, boleh ni, kenapa saya tak boleh buat kan.” Kita nak macam tu”.

(Sumber: Pengarah Strategi Pemasaran dan Tanggungjawab Korporat Perbankan Islam, CIMB Islamic Bank)

Berdasarkan kenyataan informan di atas, selain daripada diberikan sebuah motosikal sebagai instrumen wakaf *mu’aqqat*, semua peserta Program CIMB Islamic Rider Entrepreneur 2.0 turut didedahkan dengan beberapa skop keusahawanan yang merangkumi pengenalan syarikat, produk atau perkhidmatan. Selain itu, skop etika dan integriti usahawan, strategi pemasaran, percambahan idea perniagaan, pengurusan akaun dan kewangan turut diberikan supaya para peserta ini dapat mengorak langkah untuk lebih ke hadapan dengan mewujudkan perniagaan sendiri. Isu kekurangan material, kerapuhan pegangan agama, gangguan kestabilan emosi dan kewarasan mental, dan isu keselamatan nyawa dapat diatasi.

#### **4. Masalah Kepada Pengurusan Wakaf**

Pengurusan wakaf yang cekap dan berintegriti memberikan pelbagai manfaat kepada pihak *mutawalli* atau pengurus wakaf. Kepercayaan pewakaf dan masyarakat dapat ditingkatkan, membina kredibiliti yang tinggi dan memastikan manfaat wakaf dapat dioptimumkan. Pada masa yang sama, ia dapat memperkukuhkan profesionalisme *mutawalli* dan sekaligus menarik sokongan pihak berwajib, dan menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat. Pihak pengurusan wakaf juga dapat menjadi model rujukan dalam aspek pengurusan wakaf, menggalakkan lebih ramai pewakaf baharu, dan memperoleh ganjaran dunia serta akhirat melalui pelaksanaan amanah secara ikhlas dan berintegriti. Bukan sahaja pihak Majlis Agama Islam Negeri yang dilantik sebagai *mutawalli*, namun pada hari ini terdapat institusi perbankan seperti Bank Muamalat Malaysia Berhad turut menyertai wakaf menerusi gandingan bersama dengan lima MAIN.<sup>45</sup>

Wakaf *mu’aqqat* juga memberikan pelbagai manfaat kepada *mutawalli* atau pihak pengurusan wakaf. Antaranya, harta wakaf berkenaan akan diuruskan secara sistematik kerana *mutawalli* perlu merancang dan mengurus harta wakaf dengan teratur berdasarkan niat pewakaf. *Mutawalli*

---

<sup>45</sup> Mohd Izuwan Mahyudin, Asmak Ab Rahman, Peranan Wakaf Tunai untuk Pendidikan: Kajian Kes di Bank Muamalat Malaysia Berhad, *Jurnal Syariah*, Jil.31, Bil. 2 (2023), 232.

perlu melaksanakan amanah yang diberikan dengan penuh integriti dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pewakaf dan pada masa yang sama memastikan manfaat wakaf disalurkan secara optimum kepada golongan sasaran dalam tempoh yang ditetapkan. Di samping itu, *mutawallī* berpeluang untuk meningkatkan profesionalisme seperti aspek pengurusan aset, kewangan, pelaporan, pemantauan dan pentadbiran. Ia juga dapat membentuk kepakaran dalam kalangan *mutawallī* untuk membuat perancangan penggunaan harta dalam tempoh yang ditetapkan oleh pewakaf sambil mengekalkan keberkesanannya untuk jangka panjang. Oleh yang demikian, kepercayaan terhadap pihak pengurusan wakaf akan bertambah dalam kalangan masyarakat dan dapat menarik perhatian serta minat mereka untuk berwakaf.

Program CIMB Islamic Rider Entrepreneur 2.0 telah menjadi bukti kepada ketelusan dan pencapaian yang dilakarkan dalam aspek pengurusan. Walaupun ia merupakan gandingan empat pihak, namun sebagai titik permulaan untuk wakaf *mu'qqat* ia telah memberikan satu gambaran terhadap *mutawallī* dan pengurusan harta secara Islam yang inovatif, berkualiti dan dinamik.

## 5. Masalah Kepada Masyarakat

Wakaf memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan ukhuwah Islamiyah di Malaysia dengan menggalakkan perpaduan dan kerjasama dalam kalangan umat Islam melalui sumbangan harta untuk manfaat bersama.

المُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا

*“Seorang mukmin terhadap mukmin yang lain adalah seperti bangunan, di mana sebahagian menguatkan sebahagian yang lain”*.<sup>46</sup>

Hadis ini menggambarkan betapa pentingnya hubungan erat dan saling sokong-menyokong dalam kalangan umat Islam. Melalui hadis ini, Rasulullah SAW menggunakan perumpamaan bangunan untuk menjelaskan bahawa setiap mukmin perlu bersatu, berganding bahu, dan saling melengkapi untuk membentuk kekuatan bersama.

Wakaf tanah untuk pembinaan masjid atau sekolah agama seperti Masjid Jamek Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur misalnya, bukan

---

<sup>46</sup> Muhammad Ismā'il al-Bukhārī al-Ja'farī, *Sāhīh al-Bukhārī, Kitāb Adab*, Bāb Ta'āwun al-Mu'min (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, 2017), 2: 2242.

sahaja menjadi pusat ibadah tetapi juga tempat untuk komuniti Muslim berkumpul dan berinteraksi, memperkuat hubungan silaturahim. Selain itu, institusi seperti YWM turut menguruskan wakaf secara profesional, memastikan manfaatnya dinikmati oleh golongan memerlukan, dan pada masa yang sama mengukuhkan solidariti sosial dalam kalangan umat Islam.<sup>47</sup>

Seperti wakaf *mu'abbad*, wakaf *mu'qqat* juga berupaya memperkukuhkan ukhuwah Islamiyah di Malaysia dengan memberikan peluang kepada umat Islam untuk menyumbang secara sementara, sesuai dengan kemampuan masing-masing, tanpa menghilangkan hak pemilikan asal. Melalui program seperti Wakaf Tunai Bertempoh di bawah YWM misalnya, masyarakat dapat mewakafkan wang untuk tempoh tertentu dalam usaha membantu pembangunan infrastruktur yang menawarkan kemudahan awam. Selepas tempoh itu tamat, wang tersebut dikembalikan kepada pewakaf. Inisiatif ini bukan sahaja memanfaatkan komuniti tetapi juga menggalakkan lebih ramai menyumbang kerana fleksibilitinya, seterusnya meningkatkan rasa persaudaraan dan kerjasama. Pihak Jabatan Wakaf, Haji dan Umrah (JAWHAR) dan YWM turut dianjurkan supaya meneroka konsep wakaf *mu'qqat* agar dapat mempertingkatkan sumber dana dalam usaha membangunkan tanah wakaf yang sedia ada di seluruh Malaysia.<sup>48</sup>

## **6. Masalah Kepada Negara**

Wakaf berperanan mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan kebergantungan masyarakat kepada kerajaan dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan sosial seperti pendidikan, kesihatan, dan kemudahan asas yang dibiayai melalui dana atau aset wakaf. Contoh yang tidak asing lagi, institusi pendidikan yang dibiayai melalui wakaf seperti Universiti Al-Azhar di Mesir telah berjaya menyediakan pendidikan percuma kepada pelajar tanpa melibatkan perbelanjaan kerajaan.<sup>49</sup>

Selain itu, wakaf dapat menjadi sumber pendapatan alternatif melalui pelaburan dan pengurusan aset yang cekap, sekali gus membantu memperkukuhkan sektor ekonomi negara. Pengurusan wakaf yang baik

---

<sup>47</sup> Asmak Ab Rahman, Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia, *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 1 (2009), 134.

<sup>48</sup> <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2278283>

<sup>49</sup> Monzer Kahf, *The Role of Waqf in Improving the Ummah Welfare*, presented to the International Seminar on "Waqf as Private Legal Body", organised by the Islamic University of North Sumatra, Medan, Indonesia, 6 - 7 Jan. 2023.

juga merangsang aktiviti ekonomi masyarakat, meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan memastikan pengagihan kekayaan yang lebih adil dalam kalangan rakyat. Pengurusan wakaf yang efisien bukan sahaja dapat mengurangkan beban kewangan kerajaan tetapi juga memperkukuhkan ekonomi ummah melalui pembiayaan wakaf dan pengagihan kekayaan secara berkesan. Pada hari ini, pembiayaan wakaf dikembangkan dengan kerjasama institusi perbankan dan pada masa yang sama ia memberikan satu gambaran yang baru dan dinamik selari dengan iklim kontemporari hari ini.<sup>50</sup>

Harta alih seperti wang tunai dan saham adalah termasuk dalam instrumen kekayaan pada hari ini. Kesemua kategori berkenaan amat sesuai dan relevan untuk diwakafkan secara wakaf *mu'qqat*. Pada peringkat permulaan, sistem pembiayaan yang tidak melibatkan riba perlu diperkenalkan sebagai salah satu alternatif bagi menggantikan skim pembiayaan yang sedia ada.

Isu pembangunan harta wakaf yang dibendung oleh masalah kekurangan dana akan dapat diatasi dengan menggalakkan amalan wakaf *mu'qqat* sebagai salah satu alternatif dalam bentuk harta alih. Agenda pembangunan harta wakaf dalam bentuk harta tak alih seperti tanah yang tidak mempunyai sifat kecairan akan ditampung oleh wakaf berbentuk harta alih terutamanya wang tunai. Hasilnya, objektif memelihara kebajikan ummah dapat direalisasikan selaras dengan tujuan pewakaf. Misalnya, kebergantungan kepada kerajaan juga telah dapat dikurangkan menerusi Program CIMB Islamic Rider Entrepreneur 2.0. Peserta program ini telah dapat keluar dari belunggu kemiskinan tanpa mengharap bantuan kerajaan secara langsung.

Peranan yang dimainkan oleh wakaf *mu'qqat* amat signifikan kerana ia berpotensi untuk membantu menurunkan kadar bebanan perbelanjaan yang dibiayai oleh kerajaan dalam memelihara aspek kebajikan. Maka tidak hairanlah jika wakaf *mu'qqat* akan dapat bergerak seperti wakaf *mua'bbad* yang telah diiktiraf dan disifatkan sebagai “*a vehicle for financing Islam as a society*” yang membawa erti suatu instrumen yang membantu kelangsungan hidup masyarakat Muslim.<sup>51</sup> Di samping selari dengan *maqasid syariah*, wakaf *mu'qqat* membawa impak dalam

---

<sup>50</sup> Mohd Izuwan Mahyudin, Asmak Ab Rahman, Peranan Wakaf Tunai untuk Pendidikan: Kajian Kes di Bank Muamalat Malaysia Berhad, Jurnal Syariah, Jil.31,Bil.2(2023), 234.

<sup>51</sup> Marshall Hodgson, *The Venture of Islam: Conscience and History in a World Civilization* (Chicago: The University of Chicago Press, 1974), 2;124.

pembangunan ekonomi yang tidak kurang nilainya sama seperti wakaf *mu'abbad*.

Jadual 1: Aplikasi Wakaf *Mu'aqqat* Dalam Perspektif Ekonomi Islam Berteraskan *Maqasid Syariah*

<b>Maslahah dari Aplikasi Wakaf Mu'aqqot Kepada:</b>	<b>Maslahah Daruriyyah</b>				
	<b>Agama</b>	<b>Nyawa</b>	<b>Akal</b>	<b>Keturunan</b>	<b>Harta</b>
Harta					√
Pewakaf	√	√	√	√	√
Penerima manfaat wakaf	√	√	√	√	√
Pengurusan wakaf	√	√	√	√	√
Masyarakat	√	√	√	√	√
Negara	√	√	√	√	√

Sumber: Hasil Analisis Kajian

## KESIMPULAN

Pembangunan ekonomi Islam yang berorientasikan *maqasid syariah* membawa kepada kesejahteraan hidup manusia jika dapat direalisasikan dengan apa jua kaedah dan pendekatan yang selaras dengan Syarak. Walaupun pada dasarnya wakaf *mu'aqqat* hanya diterima oleh mazhab Imam Maliki dan sebahagian minoriti fuqaha dari mazhab yang lain, ia berupaya mendukung tujuan yang sama serta menjadi salah satu instrumen yang mampu memperkasa amalan wakaf yang dilaksanakan pada hari ini. Ia juga mampu memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya kepada semua pihak dari semua sudut sehinggalah kepada aspek pembangunan ekonomi negara. Tidak terhenti setakat itu, kajian ini juga mendapati bahawa pihak yang terlibat, sama ada pewakaf, pengurus aset wakaf dan penerima manfaat wakaf mempunyai satu dimensi lain dari segi prospek yang berbeza iaitu perancangan setelah tamatnya tempoh wakaf *mu'aqqat* bergantung kepada pihak yang terlibat.

## RUJUKAN

Abī al-Barakāt bin Muhammad bin Ahmad Al-Dardīr, *al-Syarhu al-Soghīr Ma'a Bulghati al-Sālik li-Aqrobi al-Masālik* (Qāhirah: Dār al-Ma'ārif, 1986) 4, 10-9.



- Abū Bakr bin Hasan bin ‘Abdullah al-Kashnāwī, *Ashal al-Madārik*, Vol. 3, (Bayrūt: Dār al-Fikr), 102.
- Abū Ishāq al-Shatibi, *Al-Muawāfaqāt fī Usūl al-Shariah* (cetakan ke2, Bayrūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Jil. 2), 7.
- Abū Bakar al-Khashnāwī, *Ashalu al-Madārik* (Bayrūt: Dār al-Fikr Cetakan ke2, t.t), 3, 102.
- Abdu al-Wahab bin Ibrahim Abu Sulaiman, *Nadwah al-Maktabāt al-Waqfiyyah fī al-Mamlakati al-Arabiyyah al-Su’uudiyyah* (al-Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Mulk Abdu al-‘Azīz, 1999), 16.
- ‘Ala al-Dīn Abī al-Hasan ‘Alī bin Sulaiman bin Ahmad Al-Mardāwī, *Al-Insaf fī Ma’rifati al-Rājih min al-Khilāf ‘ala Mazhabi al-Imām Ahmad ibnu Hanbal* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 7:34.
- Ahmad ibn Muhammad ibn Muhammad al-Dardīr, *Syarah al-Saghīr* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), 4: 9-10.
- Ahmad ibn Muhammad ibn Muhammad al-Dardīr, *Syarah al-Kabīr* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1230 H) 4: 87.
- al-Kharsyī, *Syarah Mukhtasar Khalīl* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1317 H), 7, 92.
- Abu Zakariyā Mahyu al-Dīn Yahya Al-Nawawī, *Rawdatu al-Tālibīn* (Bayrūt: al-Maktab al-Islāmi, 1985), 5, 325.
- Ascarya Ascarya, Raditya Sukmana, Siti Rahmawati dan Atika Rukminastiti Masrifah, Developing Cash Waqf Models for Baitul Maal wat Tamwil as Integrated Islamic Social and Commercial Microfinance, *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, Vol. 14, No. 5, 2023, 713-714.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *I’lām al-Muwaqqi’īn ‘an Rabb al-‘Alamīn*, ed. Abd al-Ra’ug Sa’d, (Bayrūt: al-Jīl, 1973), 3:3.
- Ibnu al-Hummām, *Syarah Fathu al-Qadīr* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1980), 6, 214.
- Farhana Mohamad Suhaimi, Asmak Ab Rahman, Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Sosioekonomi: Analisis Ke Atas Projek Bazar Wakaf Rakyat Terpilih, *Islāmiyyāt* 43, (Isu Khas) 2021: 115 – 127.
- <https://www.hamdarduniversity.edu.bd/department/bums>, dicapai pada 12 Jun 2023.
- <https://hamdarduniversity.edu.bd/>, dicapai pada 12 Jun 2023.

<https://islamic-relief.org/>, dicapai pada 12 Jun 2023.

Khālid bin Ali bin Muhammad al-Masyīqah, *al-Jāmi' li Ahkām al-Waqf wa al-Hibāt wa al-Wasāyā* (Qatar: Wizāratu al-Awqāf wa al-Syu'un al-Islāmiyyah al-Qatariyyah, 2013), 1: 99.

Mahmood Zuhdi Abd Majid, 'Maqasid Syariah: Satu Pengenalan' dalam *Maqasid al-Syariah*, ed. Mek Wok Mahmud dan Akhtarzatie Abdul Aziz, ed. Ke-1 (Gombak: Penerbitan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2012), 1-6.

Mansūr bin Yūnus al-Buhūti, *Kasysyāfu al-Qinā'i 'an Matani al-Iqnā'* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1982), 4: 254.

Marshall Hodgson, *The Venture of Islam: Conscience and History in a World Civilization* (Chicago: The University of Chicago Press, 1974), 2:124.

Muhamad Firdaus, A. R., & Amanullah, M. The Nature of Temporary Waqf, its Ruling and Public Interest, *Global Journal Al-Thaqafah*, 7(2), 2017. 175–1187.

Muhammad Firdaus Ab Rahman dan Muhammad Amanullah, "Al-Taḥdiyyāt Wa Al-Isykālāt Allati Tuwājihu Tatbīq Sīghah Al-Waqafu Al-Mu'aqqatu fī Wilāyati Mukhtarah fī Māliziā: al-Suaru al-Mustahdisah wa Dowābituhā", *Majallah Jāmi'ah al-Mālik Abd al-Aziz: al-Iqtisād al-Islāmī*. (2017), pp. 291-314, doi: 10.4197 / Islec. 30-3: 12.

Muhammad ibn Ahmad ibn `Urfah al-Dusuqī, *Hashiyat Al-Dusuqī, `Ala Al-Sharh Al-Kabīr*, (Qāhirah : Dār Ihyā' al-Kutub al-`Arabiyyah, 1980), 4: 88.

Muhammad bin Muhammad al- Khātib al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ila Ma'rifati Ma'ānī Alfāz al-Minhāj* (Qāhirah: al-Maktabah al-Taufiqiyyah, t.t.), 3: 474.

Nu'man Jughaim, *Turuq al-Kashf 'an Maqāsidi al-Shāri'* (Jordan: Dār al-Nafā'is, 2002), 26-35.

Sāleh ibn Muhammad ibn Ibrāhīm al-Yābis, *al-Hāwī al-Saghīr li Najmu al-Dīn Abd Allah al-Ghaffārī ibn Abd al-Karīm al-Qazwīnī* (Bayrūt: Dār al-Jauzī, 2009), 394.

Wahbah Zuhaylī, *Nazariyyah al-Doruriyyah al-Syar'iyyah Muqāranah ma'a al-Qānūn al-Wad'ī* (Dimashq: Dār al-Fikr, 1997), 49.

Yūsuf Ibrāhīm Yūsuf, “Majallāt Waqfiyyah Muqtarihah li Tanmiyyah Mustadāmah al-Waqf al-Mu'qqat” (kertas kerja, Seminar Wakaf kali ke-2, Universiti Ummu al-Qurā', Mekah, 2006), 21.

Yūsuf Ahmad al-Badawī, *Maqāsid al-Syari'ah 'inda Ibn Taimiyyah* (Jordan: Dār al-Nafā'is, t.t.), 60.